

PUPUK BAKAT DALAM PENYAMPAIAN SYARAHAN DENGAN BAIK



PENOLONG Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Syarahan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi anjuran UNISSA melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (bawah kanan dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Pelajar Tahun 3 daripada Fakulti Usuluddin, Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan muncul johan pada Pertandingan Syarahan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, baru-baru ini.

Manakala naib johan dimenangi oleh pelajar Tahun 2 daripada Fakulti Teknologi Islam, Awang Muhammad Firdaus bin Sait

dan tempat ketiga pula diraih oleh pelajar Tahun 1 dari Pusat Penyelidikan dan Halalan Thayyiban, Dayang Nur 'Siti' Zirwatul Amal binti Mohammad Zulkifli.

Penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang disempurnakan oleh Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA,

Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan.

Pertandingan Syarahan yang bertemakan 'Bersabar, Berikhtiar, Berdoa dan Bertawakal Menghadapi Ujian : Meraih Syafaat Rasulullah' menampilkan tujuh peserta di kalangan pelajar mewakili fakulti / pusat akademik.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh dari Kumpulan Firqatul Muhibbil Lahni yang terdiri daripada mahasiswa UNISSA dan telah mendapat tempat ketiga di dalam Pertandingan Tausyeh bagi Dewasa dan Belia Masjid Senegara Anjuran Bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah Tahun 1444H / 2022M.

Tujuan pertandingan tersebut diadakan adalah bagi menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam di samping untuk memupuk bakat pelajar dalam penyampaian syarahan dengan baik dan berkualiti.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

